



PENDUDUK berganding bahu membersihkan lumpur di dalam rumah di Jalan Thean Tek 4, Air Itam.

BANJIR DI PULAU PINANG

LAPAR TIGA JAM

■ Penduduk pindah selepas rumah tenggelam terpaksa tahan pedih

Mohd Hilmi Mahmud
am@hmetro.com.my

Georgetown

Barat jatuh ditimpa tangga, itulah nasib dialami penduduk kampung di Jalan P Ramlee, di sini yang berlamar lebih tiga jam selepas rumah mereka ditenggelami air ekoran banjir kilat jam 6 petang kelmarin.

Namun nasib menyebelahi mereka apabila seorang pemilik kedai makan menjamu mereka selepas terkesan dengan nasib yang dialami lebih 10 keluarga yang terjejas.

Difahamkan, mereka terpaksa berlamar dalam keadaan basah kuyup selepas dipindahkan jam 9.30 malam kelmarin akibat air naik secara mendadak di situ.

Seorang penduduk kampung di situ, Farah Atikah Ali, 32, berkata, dia kecewa dan terkilan dengan tindakan wakil rakyat yang tidak turun padang bagi melihat dan mendengar rintihan serta masalah mangsa banjir.

"Sekiranya wakil rakyat tidak dapat melawat kami di

sini, mereka sepatutnya menghantar bekalan makanan dan minuman untuk kami yang terjejas banjir ini.

"Barang-barang makanan dan pakaian kami tidak dapat diselamatkan, jadi kami terpaksa tidur dan berlamar di gerai makan tempat kami berunding sementara menanti air surut," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Sementara itu, seorang lagi mangsa banjir, Lim Chin Kok, 47 berkata, dia terkejut selepas dimaklumkan

bengkel motosikalnya dimasuki air petang kelmarin.

"Selepas anak saya memberitahu bengkel motosikal saya dinaiki air, saya terus ke bengkel namun tidak dapat masuk ke bengkel berikutan paras air melebihi satu meter.

"Anggota Bomba dan Penyelamat tidak membenarkan saya masuk ke bengkel dan jalan ditutup sementara waktu sehingga air

FAKTA
Penduduk ambil masa lebih lima jam membersihkan kesan lumpur



BARANGAN rosak tidak sempat diselamatkan terpaksa dibuang.



ZARINA Arif, 71, (kanan) melihat cucunya mencuci kawasan rumah di Jalan P Ramlee, Georgetown.



BARANG elek

PENDUDUK mencuci lantai rumah yang dipenuhi lumpur.

surut. Saya tidak dapat menyelamatkan motosikal dan barang berharga di dalam bengkel," katanya.

Menurut Lim, kejadian banjir itu yang paling teruk dialaminya selepas berpindah ke situ sejak tujuh bulan lalu.

"Sebelum ini, saya buka bengkel di tepi jalan berhampiran Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, namun terpaksa berpindah selepas kawasan itu akan dimajukan.

"Saya tidak jangka keadaan banjir dan air akan naik

hingga ke paras pinggang di bengkel yang baru saya pindah ini dan mengalami kerugian puluhan ribu," katanya.

Tinjauan di Jalan P Ramlee semalam, mendapati rata-rata penduduk sudah mula membersihkan halaman rumah mereka sejak jam 7 pagi dan mereka mengambil masa lebih lima jam untuk membersihkan kesan lumpur ekoran banjir.

